Dan bahawasanya tuanpunya tanah Mohamed Yusuf bin Abdullah (K.P. 540913-05-5119) yang beralamat di Blok 48-0108, Flat Taman Ungku Tun Aminah, 81300 Skudai, Johor pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. Lot—14595. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 31094 M7/1/5. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 3 Julai 2019
[(13)dln.PTG/11/303/4]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4075.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Noraini binti Abd. Rahman (K.P. 520726-05-5254) beralamat di No. 28, Jalan Padi Huma 1, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 14497/2019 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Abdullah bin Ruslan (K.P. 911024-14-5835) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Bandar—Johor Bahru. No. P.T.B.—15685. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 148702. Bahagian Tanah (jika ada)—0/0 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 8 Julai 2019
[(378)dln.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4076.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Janthana Horkhamkruang (K.P. 720623-67-5086) beralamat di No. 20, Jalan Ria 2, Taman Skudai Baru, 81300 Skudai, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11311/2019 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Beh Ah Keat (K.P. 731024-07-5365) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. Lot—124714. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 345696. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 22620/2007.

Bertarikh 22 Julai 2019

[(380)dml.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4077.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Yatham Naga Venkata Sateesh (No. Passport: Z3367370) beralamat di No. 18, Jalan Harmoni 17, Taman Desa Skudai, 81300 Skudai, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 20251/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Lina Devi a/p Manian (K.P. 851126-02-5998) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Tebrau. No. Lot—131492. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 317062. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 22871/2010.

Bertarikh 5 Ogos 2019

[(382)dml.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4078.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Ho Kee Theam (K.P. 620415-07-5125) beralamat di No. 1, Jalan Rusa 3, Taman Century, 80250 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 15383/2018 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Syarikat Red Leaf Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 28958-A) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Pulai. No. Lot—4942. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 103427. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 5 Ogos 2019
[(383)dml.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4079.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Guan Tak Chuan (K.P. 540301-01-5677) beralamat di No. 50, Jalan Mustapha, 83000 Batu Pahat, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 2082/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Tacon Development Sdn. Bhd. (885756-X) beralamat di No. 114A, Jalan Flora Utama 8, Taman Flora Utama, 83000 Batu Pahat, Johor pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Simpang Kanan. No. Lot—19255. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 305397 M1/3/8. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 13 Ogos 2019
[(7)dml.PTG/11/303/4]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4080.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Guan Tak Chuan (K.P. 540301-01-5677) beralamat di No. 50, Jalan Mustapha, 83000 Batu Pahat, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 2082/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Tacon Development Sdn. Bhd. (885756-X) beralamat di No. 114A, Jalan Flora Utama 8, Taman Flora Utama, 83000 Batu Pahat, Johor pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Simpang Kanan. No. Lot—19255. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 305397 M1/5/15. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 13 Ogos 2019
[(8)dml.PTG/11/303/4]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4081.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Guan Tak Chuan (K.P. 540301-01-5677) beralamat di No. 50, Jalan Mustapha, 83000 Batu Pahat, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 2082/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Tacon Development Sdn. Bhd. (885756-X) beralamat di No. 114A, Jalan Flora Utama 8, Taman Flora Utama, 83000 Batu Pahat, Johor pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Simpang Kanan. No. Lot—19255. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 305397 M1/4/9. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 13 Ogos 2019
[(11)dml.PTG/11/303/4]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4082.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Nurasikin binti Suleiman (K.P. 791118-01-6512) beralamat di No. 16-01, Jalan Setia Tropika 1/29, Taman Setia Tropika, 81200 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 20520/2019 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Sharifah Aini bt. Abd. Wahab (K.P. 780108-11-5214) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. Lot—93969. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 25749. Bahagian Tanah (jika ada)—1/2 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 19 Ogos 2019
[(381)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4083.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Nurasikin binti Suleiman (K.P. 791118-01-6512) beralamat di No. 16-01, Jalan Setia Tropika 1/29, Taman Setia Tropika, 81200 Johor Bahru, Johor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 20520/2019 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Zulkifli bin Abas (K.P. 711114-01-6221) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Plentong. No. Lot—93969. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 25749. Bahagian Tanah (jika ada)—1/2 (mengikut syer). No. Daftar Pajakan (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 19 Ogos 2019
[(381)dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4084.

MAJLIS DAERAH PONTIAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PONTIAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pontian telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenarnya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 42.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Pontian pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

ASAS KEPADA PENDAPAT

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA LAIN

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Pontian dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*.

MAKLUMAT LAIN SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT
MENGENAINYA

Yang DiPertua Majlis Daerah Pontian bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Pontian tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

TANGGUNGJAWAB YANG DIPERTUA TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Yang DiPertua bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Pontian yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1967. Yang DiPertua juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Pontian adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Pontian, Yang DiPertua bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Pontian secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Pontian, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Pontian.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Yang DiPertua.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Yang DiPertua dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Pontian sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Pontian atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Pontian memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Yang DiPertua, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Pontian telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat untuk Yang DiPertua Majlis Daerah Pontian dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MOHD. SHAHRIL BIN YAHYA
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

Tarikh: 29 Julai 2019

PENYATA YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS

Kami, Nor Syazlan bin Abd. Razak dan Zulkifly bin Tasrep yang merupakan Yang DiPertua dan Ahli Majlis, Majlis Daerah Pontian dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai Dan Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Pontian pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

NOR SYAZLAN BIN ABD. RAZAK

*Yang DiPertua
Majlis Daerah Pontian*

ZULKIFLY BIN TASREP

*Ahli Majlis
Majlis Daerah Pontian*

Tarikh:

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Nor Syazlan bin Abd. Razak, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Daerah Pontian, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Pejabat Majlis Daerah Pontian)
pada)

Di hadapan saya,

*Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

Tarikh:

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
ASET SEMASA			
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	3,002,194	2,683,013
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	4	138,369	89,549
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	1,815,041	971,096
Deposit Tetap	6	46,370,443	31,288,353
Tunai dan Baki Bank	7	21,070,318	20,926,983
		<u>72,396,365</u>	<u>55,958,994</u>
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	34,845,373	47,610,020
Kerja Dalam Kemajuan	9	354,092	-
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	298,034	476,515
Aset Tak Ketara	10	261,895	385,589
		<u>35,759,394</u>	<u>48,472,124</u>
JUMLAH ASET		<u>108,155,759</u>	<u>104,431,118</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	11	2,581,075	1,938,785
Deposit	12	12,407,031	10,596,093
Akaun Amanah	13	7,578,565	7,335,773
Geran Tertunda	14	1,790,072	767,782
Peruntukan	15	788,062	169,370
		<u>25,144,805</u>	<u>20,807,803</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan	15	208,663	158,482
		<u>208,663</u>	<u>158,482</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>25,353,468</u>	<u>20,966,285</u>
ASET BERSIH		<u>82,802,291</u>	<u>83,464,833</u>
ASET BERSIH/EKUITI			
Kumpulan Wang Majlis		82,612,291	83,274,833
Kumpulan Wang Pinjaman		190,000	190,000
		<u>82,802,291</u>	<u>83,464,833</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

10hb Okt. 2019]

3533

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
HASIL			
Urus Niaga Bukan Pertukaran	16	38,493,987	36,068,117
Urus Niaga Pertukaran	17	4,462,994	3,460,668
JUMLAH HASIL		42,956,981	39,528,785
PERBELANJAAN			
Emolumen			
Gaji dan Upahan		4,526,141	4,394,798
Elaun Tetap		1,230,482	1,223,088
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan		783,745	763,046
Elaun Lebih Masa		765,579	821,735
Faedah Kewangan yang Lain		152,642	178,447
Bantuan Khas Kewangan		494,100	520,692
Elaun Yang Dipertua dan Ahli Majlis		181,295	238,520
		8,133,984	8,140,326
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN			
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	18	128,162	115,480
Pengangkutan Barang-barang		1,329	1,242
Utiliti	19	2,563,807	2,269,425
Sewaan	20	287,960	314,145
Bekalan Bahan-bahan Mentah	21	251,164	186,197
Bekalan dan Bahan-bahan Lain	22	715,308	849,837
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	23	4,647,570	4,375,351
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	24	2,153,401	2,072,426
		10,748,701	10,184,103
PEMILIKAN HARTA MODAL			
Alat Kelengkapan	25	35,531	122,364
Pokok dan Benih	26	56,200	-
		91,731	122,364
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP			
Pemberian dalam Negeri	27	346,104	320,283
Ganjaran		52,873	15,256
		398,977	335,539
PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN			
Pelbagai Perbelanjaan	28	288,227	1,522,893
Pulangbalik dan Hapus Kira	29	12,487,874	10,506
Perbelanjaan Pembangunan	30	9,186,532	4,328,885
Hutang Ragu		789,651	827,549
		22,752,284	6,689,833
Susut Nilai dan Pelunasan		2,225,420	3,008,904
JUMLAH PERBELANJAAN		44,351,097	28,481,069
LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN		(1,394,116)	11,047,716

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki pada 1 Januari 2017		72,047,046	190,000	72,237,046
– Seperti yang dinyatakan terdahulu		(1,077,497)	–	(1,077,497)
Pelarasan tahun terdahulu		706,323	–	706,323
Lebihan Bersih bagi tahun				
Baki pada 1 Januari 2017		71,675,872	190,000	71,865,872
Pelarasan tahun terdahulu		825,029		825,029
– Seperti yang dinyatakan semula				
Kesan Pemakaian MPSAS	36	(273,784)	–	(273,784)
Lebihan Bersih bagi tahun		11,047,716	–	11,047,716
Baki pada 31 Disember 2017		83,274,833	190,000	83,464,833
Pelarasan tahun lalu		731,574	–	731,574
Kurangan Bersih bagi tahun	36	(1,394,116)	–	(1,394,116)
Baki pada 31 Disember 2018		82,612,291	190,000	82,802,291

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

10hb Okt. 2019]

3535

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun	(a) (1,394,116)	11,047,716
Pergerakan Bukan Tunai		
Susut Nilai dan Pelunasan	2,225,420	3,008,904
Hapus Kira Hartanah, Loji dan Peralatan	12,481,816	2
Peruntukan Manfaat Kakitangan	668,874	54,068
Pelunasan Geran Tertunda	1,022,290	540,908
Pengurangan Belum Terima	(1,033,466)	1,543,660
Pengurangan Belum Bayar	3,427,594	2,447,902
	(b) 18,792,528	7,595,444
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	(c=a+b) 17,398,412	18,643,160
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan	(1,841,770)	(2,191,777)
Tambahan Kerja Dalam Kemajuan	(331,217)	(210,375)
Aliran Tunai Bersih Digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	(2,172,987)	(2,402,152)
Peningkatan bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	15,225,425	16,241,009
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada awal tempoh	52,215,336	35,974,327
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh	67,440,761	52,215,336
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada akhir tempoh terdiri daripada:		
Deposit Tetap	46,370,443	31,288,353
Tunai di Tangan	1,500	1,500
Baki Bank	21,068,818	20,925,483
	67,440,761	52,215,336

**PENYATA PERBANDINGAN BELANJAWAN DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018**

	Jumlah Belanjawan		Jumlah	^Varian	^Varian
	Asal	Akhir	Sebenar	Belanjawan	Belanjawan
	RM	RM	RM	RM	%
PENERIMAAN					
Urus Niaga Bukan Pertukaran	23,183,000	23,183,000	27,393,318	(4,210,318)	-18%
Urus Niaga Pertukaran	6,053,980	6,053,980	6,752,882	(698,902)	-12%
Lain-lain Terimaan	4,863,020	4,863,020	5,293,439	(430,419)	-9%
	34,100,000	34,100,000	39,439,639	(5,339,639)	-16%
PEMBAYARAN					
Emolumen	8,467,000	8,467,000	7,801,594	665,406	8%
Perkhidmatan dan Bekalan	13,957,345	13,905,145	10,812,381	3,092,764	22%
Pemilikan Harta Modal	129,000	598,036	548,655	49,381	8%
Pembiayaan dan Kenaan Bayaran Tetap	464,000	464,000	94,391	369,609	80%
Perbelanjaan Lain-lain	252,000	252,000	241,339	10,661	4%
Pembangunan	10,813,000	10,813,000	6,922,312	3,890,688	36%
	34,082,345	34,499,181	26,420,672	8,078,509	23%
PENERIMAAN BERSIH	17,655	(399,181)	13,018,967	(13,418,148)	

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Belanjawan Akhir dan Jumlah Sebenar.

PENJELASAN BAGI VARIAN YANG KETARA

1. Perkhidmatan dan Bekalan:

- 1.1. Pentadbiran telah mengamalkan perbelanjaan berhemat dalam tahun kewangan selaras dengan surat (14) dlm. PKNJ(K) 450/J-6 bertarikh 3 Julai 2018 yang dikeluarkan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor.
- 1.2. Perkhidmatan penilaian am semula fasa 1 tidak dapat dilaksanakan dalam tahun kewangan.

2. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

- 2.1. Sumbangan kepada Yayasan Muafakat Pontian tidak disalurkan dalam tahun kewangan berikutan terdapat perubahan pada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan selepas pasca Pilihanraya Umum ke 14 yang memerlukan kelulusan pindaan surat ikatan amanah. Pentadbiran telah memperuntukkan sumbangan ini dalam tahun kewangan sebagaimana yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Pontian bil. 1/2019 pada 31 Januari 2019.

3. Pembangunan

- 3.1. Pembinaan bangunan Pasar Borong di bandar Pontian tidak dapat dilaksanakan dalam tahun kewangan.
- 3.2. Kerja-kerja penanaman pokok dan lanskap kejir tidak dilaksanakan dalam tahun kewangan.
- 3.3. Peruntukan lampu hiasan tidak dibelanjakan dalam tahun kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Majlis Daerah Pontian merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang ditubuhkan pada 1 November 1976 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kawasan Majlis Daerah Pontian berkeluasan 9,320.64 km persegi yang termasuk 5 pulau iaitu Pulau Pisang, Pulau Tunda, Pulau Kemudi, Pulau Sauh dan Pulau Kukup (Pelan Warta PW No. 50104). Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran seluas 61.89 km persegi dan kawasan kawalan perancangan seluas 870.75 km persegi. Kegiatan utama Majlis Daerah Pontian berdasarkan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu meliputi perancangan dan kawalan pembangunan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan awam/asas, pengurusan lalulintas serta pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan.

Majlis juga mengenakan Cukai Taksiran terhadap pemilik-pemilik pegangan harta yang berada di dalam kawasan Majlis, mengenakan kompaun, notis dan denda bagi tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan mengikut Akta 171, mengenakan sewa ke atas sewaan aset-aset majlis serta mengeluarkan lesen-lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018 ini telah dibentangkan dan disahkan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 30 April 2019.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

2.1.2. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan kedua yang disediakan menggunakan MPSAS. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian berhubung dengan pengiktirafan dan pengukuran aset infrastruktur, inventori, aset hidup dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.20. kepada Penyata Kewangan.

2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam nota 2.20 Penyata Kewangan.

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga Bukan Pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

- (i) Cukai Taksiran
Cukai Taksiran adalah Hasil Cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.
- (ii) Sumbangan Membantu Kadar
Sumbangan Membantu Kadar adalah Hasil Cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan dalam tahun kewangan semasa.
- (iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit
Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk Lesen Perniagaan, Permit Sementara, Lesen Anjing, Iklan dan lain-lain. Hasil ini diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

- (iv) Denda dan Hukuman
Denda dan hukuman seperti kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan diiktiraf apabila bayaran tersebut diterima kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan kecuali Notis dan Waran Cukai Taksiran.
- (v) Geran Kerajaan
Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti Geran Pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk Perkhidmatan Tempat Letak Kereta, Pelan Perancangan, Pelan Infrastruktur, Pelan Bangunan, Selenggaraan Gerai dan Pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan. Hasil ini diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.
- (ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang
Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain. Hasil ini diiktiraf apabila hak penerimaan dapat dipastikan atau ditentukan.
- (iii) Sewaan
Hasil sewaan dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan dan diiktiraf bila bil dikeluarkan kecuali sewaan tanpa perjanjian diiktiraf apabila bayaran diterima.
- (iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan
Hasil ini terdiri daripada Hasil Keuntungan Pelaburan dengan mengambilkira kadar pulangan efektif yang ditawarkan oleh pihak bank semasa sesuatu pelaburan dibuat. Hasil ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan secara purata mengikut perkadaran tempoh pelaburan yang melibatkan tahun kewangan semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

- (v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2(i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.2.3. Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

- 2.3.1. Aset dengan nilai kos berjumlah RM2,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi aset bernilai rendah (kurang dari RM2,000) akan dicajkan sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
 - 2.3.2. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.
 - 2.3.3. Jika sesuatu aset diperolehi melalui Urusniaga Bukan Pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.
 - 2.3.4. Nilai dibawa item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Hartanah, Loji dan Peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.4. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan
- 2.4.1. Susut nilai dikira mengikut Kaedah Garis Lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susut nilai tanah pajakan pula dikira mengikut tempoh pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

- 2.4.2. Kadar susut nilai tahunan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar pelunasan/ susut nilai
Tanah - milik pajakan	mengikut tempoh pajakan
Bangunan	3% dan 6%
Kenderaan	20%
Loji dan Jentera	20%
Perabot dan Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan Elektronik	20%

- 2.4.3. Tanah milik bebas dan Aset Dalam Pembinaan tidak disusutnilaikan tetapi tertakluk kepada semakan penjejasan nilai sekiranya terdapat petunjuk bahawa nilai aset tersebut mungkin terjejas.

- 2.4.4. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Hartanah Pelaburan

- 2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa atau nilai hartanah tersebut meningkat, hartanah tersebut dilaporkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan.
- 2.5.2. Pengiktirafan awal bagi Hartanah Pelaburan yang diperolehi melalui Urusniaga Pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui Urusniaga Bukan Pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.
- 2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, Hartanah Pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).
- 2.5.4. Susut nilai Hartanah Pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutnilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.5.5. Keuntungan atau kerugian akibat pelupusan Hartanah Pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

2.6. Aset Tak Ketara

- 2.6.1. Aset Tak Ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.6.2. Aset Tak Ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui Urusniaga Bukan Pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang Pelunasan Terkumpul dan sebarang kerugian Rosot Nilai Terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.6.3. Sesuatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat atau pun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.6.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.
- 2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.6.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan Nilai Pelupusan Bersih dengan Nilai Dibawa Aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan atau dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan atau dilunaskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

2.8. Aset Kewangan

- 2.8.1. Aset Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.8.2. Pada pengiktirafan awal, Aset Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk Aset Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu Aset Kewangan.
- 2.8.3. Selepas pengiktirafan awal, Aset Kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori Aset Kewangan iaitu Aset Kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan Aset Kewangan sedia untuk dijual.
- 2.8.4. Pembelian atau penjualan Aset Kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.8.5. Majlis hanya mempunyai kategori Aset Kewangan seperti berikut:

- (i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan Belum Terima adalah Aset Kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, Aset Kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan Kaedah Faedah Berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada Kadar Faedah Berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

- (ii) Pelaburan dipegang hingga Matang

Aset Kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan Kaedah Faedah Berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada Kadar Faedah Efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Rosot nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufli; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan;

Bagi kategori Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan Aset Kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada Kadar Faedah Berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan Akaun Peruntukan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam Akaun Peruntukan. Pembalikkan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset Kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada Aset Kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan Aset Kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan Aset Kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9. Peruntukan dan Liabiliti

- 2.9.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

2.10. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.10.1. Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti Luar Jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai Liabiliti Luar Jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.10.2. Aset Luar Jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudan akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf Aset Luar Jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudan di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11. Liabiliti Kewangan

2.11.1. Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2. Pada pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk Liabiliti Kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu Liabiliti Kewangan.

2.11.3. Selepas pengiktirafan awal, Liabiliti Kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori Liabiliti Kewangan iaitu Liabiliti Kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan Pinjaman Belum Bayar.

2.11.4. Majlis mempunyai kategori Liabiliti Kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, Pinjaman dan Belum Bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan Kaedah Faedah Berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah Faedah Berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan Liabiliti Kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar Faedah Berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat Liabiliti Kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa Liabiliti Kewangan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti Kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa Liabiliti Kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktiraf.

2.12. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-lain

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.13. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.14. Manfaat Pekerja

2.14.1. Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Majlis sebagai Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat Pekerja Jangka Pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudian Pinjaman Perumahan, Kenderaan dan Komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.14.2. Manfaat Selepas Perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

(ii) Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh majlis.

Majlis mengambil kira Peruntukan Gantian Cuti Rehat bagi semua kakitangan bertaraf tetap yang telah dan baru dilantik dalam tempoh kewangan berakhir dimana ia dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times \text{Gaji akhir yang diterima} \times \text{jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada had maksimum 150 hari)}$

Majlis juga mengambil kira Peruntukan Bayaran Cuti Rehat kakitangan bertaraf kontrak yang mana cuti rehat berkecualan tidak dapat dihabiskan oleh kakitangan berkaitan untuk tempoh *Contract of Service* melebihi satu (1) tahun di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

$1/30 \times \text{Gaji akhir yang diterima} \times \text{jumlah hari cuti rehat yang tidak dihabiskan (tertakluk kepada had maksimum 15 hari atau separuh daripada kadar cuti rehat yang berkecualan)}$

Majlis juga mengambil kira Peruntukan Ganjaran Kontrak kepada kakitangan bertaraf kontrak untuk tempoh *Contract of Service* melebihi satu (1) tahun di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

$(17.5\% \text{-kadar caruman majikan dalam KWSP}) \times (\text{Gaji akhir} \times \text{jumlah genap bulan perkhidmatan-faedah caruman majikan})$

2.15. Rosot nilai Aset Bukan Kewangan

2.15.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan Nilai Dibawa Aset dengan Amaun Boleh Pulih. Amaun Boleh Pulih adalah Nilai Tertinggi di antara Nilai Saksama ditolak kos untuk dijual dan Nilai Dalam Penggunaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Dalam menentukan Nilai Dalam Penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan Nilai Pasaran Semasa, Nilai Masa Wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan Nilai Saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusan niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urusan niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila Nilai Dibawa Aset melebihi Amaun Boleh Pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada Jumlah Penilaian Semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat Lebihan Penilaian Semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.15.2. Aset Penjanaaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas Jumlah Perkhidmatan Boleh Pulih Aset. Jumlah Perkhidmatan Boleh Pulih Aset adalah Nilai Tertinggi di antara Nilai Saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila Nilai Dibawa Aset melebihi Jumlah Perkhidmatan Boleh Pulihnya.

Dalam menentukan Nilai Dalam Penggunaan, Majlis telah menggunakan pendekatan Kos Penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, Nilai Semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambil kira Kos Penggantian Aset ditolak Susut Nilai Berkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan Nilai Saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka Nilai Saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada Nilai Pasaran Terkini ditolak Kos Pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan Nilai Saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan Jumlah Perkhidmatan Boleh Pulih Aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan Jumlah Perkhidmatan Boleh Pulih Aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikkan adalah terhad setakat Nilai Dibawa Aset tidak melebihi Jumlah Perkhidmatan Boleh Pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah Susut Nilai Berkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikkan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.16. Percukaian

- 2.16.1. Majlis Daerah Pontian adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.17. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

- 2.17.1. Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

- 2.17.2. Dalam pembentangan Belanjawan Negara 2018 iaitu pada 27 Oktober 2017, Kerajaan mencadangkan pengecualian cukai GST bagi semua pembekalan dan perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkuatkuasa pada 1 April 2018 atau 1 Oktober 2018.

2.18. Maklumat Belanjawan

- 2.18.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini disediakan menggunakan asas penyediaan belanjawan tahunan.

- 2.18.2. Belanjawan tahunan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan pada 16 Mei 2017 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Pontian bil. 5/2017 yang telah bersidang pada 31 Mei 2017. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pula telah meluluskan Belanjawan Majlis Daerah Pontian pada 6 Disember 2017 sebagaimana RM bil. 2156/2017.

2.19. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.19.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.19.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap Nilai Dibawa Aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif Hutang Ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar Siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

- (ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut Kaedah Garis Lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan dalam tempoh 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan Nilai Sisa Aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

- (iii) Penentuan Harta Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai Pajakan Kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai Hartanah Pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

- (iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS

- 2.20.1. Penyata Kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan kedua Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS. Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan berikut ketika menyediakan penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

(i) Peruntukan Manfaat Pekerja

MPSAS 25 *Employee Benefits* menghendaki Majlis untuk mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan Majlis. Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan Majlis apabila kakitangan tersebut bersara kelak. Majlis telah membuat Peruntukan Gantian Cuti Rehat bagi kakitangan yang akan bersara sekurang-kurangnya 10 tahun dari tempoh kewangan berakhir dan diambilkira secara retrospektif dalam Penyata Kewangan Majlis. Kakitangan bertaraf kontrak juga layak untuk menerima Bayaran Gantian Cuti Rehat yang tidak dapat dihabiskan untuk tempoh *Contract of Service* melebihi satu (1) tahun. Jumlah pengiktirafan peruntukan tersebut diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Terkumpul.

Majlis juga membuat peruntukan bagi Ganjaran yang dibayar kepada kakitangan bertaraf kontrak (*Contract of Service*) yang telah tamat tempoh kontrak. Peruntukan ganjaran ini dibuat untuk kakitangan terbabit yang tempoh kontrak melebihi satu (1) tahun. Pengiktirafan peruntukan secara retrospektif dalam Penyata Kewangan Majlis dan jumlah pengiktirafan peruntukan tersebut diselaraskan kepada baki awal Kumpulan Wang Terkumpul.

Majlis telah membuat peruntukan-peruntukan tersebut pada akhir tahun kewangan dan dikira berdasarkan kaedah yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Peruntukan Gantian Cuti Rehat dan ganjaran anggota bertaraf kontrak, ianya diiktiraf pada nilai kini obligasi tersebut dengan menggunakan kadar diskaun 8% setahun.

(ii) Pengiktirafan Faedah ke atas Pinjaman Kepada kakitangan

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, majlis mengiktiraf faedah yang akan diperolehi daripada pinjaman pada ketika mengiktiraf pinjaman tersebut. MPSAS 9, hasil daripada Urusniaga Pertukaran menghendaki faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan faedah pinjaman kakitangan menggunakan kadar pulangan efektif kerana majlis masih dalam proses menyelenggara semula maklumat pinjaman kakitangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

(iii) Aset Infrastruktur

Majlis mempunyai Aset Infrastruktur yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi Aset Infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan Aset Infrastruktur ini bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung Aset Infrastrukturnya.

(iv) Aset Hidup

Majlis mempunyai Aset Hidup yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset hidup telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan Aset Hidup ini bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung Aset Hidup tersebut.

(v) Inventori

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi Inventori telah diiktiraf sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan. MPSAS mengkehendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan Inventori ini bagi tempoh tiga (3) tahun bermula dari tarikh menerimapakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung Inventorinya.

(vi) Peruntukan Hutang Ragu

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Penghutang pada asalnya diiktiraf pada kos dan selanjutnya diukur pada kos ditolak peruntukan Hutang Ragu. Hutang Lapuk akan dihapus kira dalam tahun di mana ianya dikenalpasti. Anggaran ke atas Hutang Ragu akan dibuat berdasarkan semakan ke atas baki tertunggak pada akhir tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Peruntukan Hutang Ragu bagi Penghutang Cukai Harta akan diperuntukkan sebagai Hutang Ragu sekiranya telah tertunggak melebihi tempoh enam (6) tahun berdasarkan Laporan Pengusiaan Majlis. Penghutang Sewa Pasar, Sewa Gerai, Sewa Petak Bas, Sewa Tempat Perkurungan Rumah Persembelihan, Sewa Perhentian Bas/Teksi, Sewa Tapak Penjaja dan Penghutang Pelbagai, akan diperuntukkan sebagai Hutang Ragu sekiranya tertunggak melebihi tempoh tiga (3) tahun berdasarkan Laporan Pengusiaan Majlis. Tempoh Peruntukan Hutang Ragu Sewaan ini dipinda dari enam (6) tahun kepada tiga (3) tahun mulai tahun kewangan semasa. Peruntukan Hutang Ragu dilaraskan dalam tahun dimana ianya dikenalpasti. Jumlah yang dapat dikutip daripada baki-baki yang telah diperuntukan sebagai Peruntukan Hutang Ragu dilaraskan sebagai Hutang Ragu Terpulih di Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun di mana ianya berlaku.

Pemakaian MPSAS menghendaki peruntukan Hutang Ragu ini dibuat secara khas dan lebih terperinci. Semua kesan berhubung peruntukan Hutang Ragu ini perlu dibuat secara prospektif. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi Peruntukan Hutang Ragu bagi tempoh tiga (3) tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga Peruntukan Hutang Ragu tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung Peruntukan Hutang Ragu.

Peruntukan dan pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas Penyata Kewangan

- (i) Penilaian semula hartanah sebagai kos anggapan (*Deemed Cost*)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula hartanah-hartanahnya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

2.21. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk direalisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

2.22. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Yang Dipertua dan Ahli-ahli Majlis.

2.23. Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah dikelaskan sebagai Pajakan Kewangan dimana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah disisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah Pajakan Kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan Nilai Saksama Aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan Kaedah Faedah Efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana ia dilibatkan.

Dasar susut nilai bagi aset pajakan yang boleh susut nilai adalah konsisten dengan aset yang boleh susut nilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan susut nilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah Pajakan Kewangan telah rosot nilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai Pajakan Operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah Pajakan Operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24. Kos Kewangan

Semua Kos Kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia terlibat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2018 RM	2017 RM
Akaun Belum Terima Cukai Taksiran	3,687,701	3,394,600
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(787,671)	(809,136)
	<u>2,900,030</u>	<u>2,585,464</u>
Akaun Belum Terima Notis & Waran	102,164	97,549
	<u>102,164</u>	<u>97,549</u>
	<u>3,002,194</u>	<u>2,683,013</u>
Analisa pengumuran Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima adalah seperti berikut:		
Tempoh 0 hingga 12 bulan	1,517,313	1,295,391
Tempoh 13 hingga 24 bulan	536,596	501,654
Tempoh 25 hingga 36 bulan	289,610	303,462
Tempoh 37 hingga 48 bulan	239,648	201,330
Tempoh 49 hingga 60 bulan	142,195	138,648
Tempoh 61 hingga 72 bulan	143,803	114,883
Melebihi 72 bulan	30,865	30,096
	<u>2,900,030</u>	<u>2,585,464</u>
Butiran pergerakan Akaun Peruntukan adalah seperti berikut:		
Baki pada awal tahun	809,136	809,136
Tambahan/(pengurangan) tahun semasa	(21,465)	—
Baki pada akhir tahun	<u>787,671</u>	<u>809,136</u>

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2018 RM	Dinyatakan Semula 2017 RM
Akaun Belum Terima Sewaan	155,397	107,962
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(17,028)	(18,413)
	<u>138,369</u>	<u>89,549</u>
	<u>138,369</u>	<u>89,549</u>
Analisa pengumuran Urusniaga Pertukaran Belum Terima adalah seperti berikut:		
Tempoh 0 hingga 12 bulan	126,292	85,639
Tempoh 13 hingga 24 bulan	9,792	1,755
Tempoh 25 hingga 36 bulan	2,285	175
Melebihi 36 bulan	—	1,980
	<u>138,369</u>	<u>89,549</u>
Butiran pergerakan Akaun Peruntukan adalah seperti berikut:		
Baki pada awal tahun	18,413	18,413
Tambahan tahun semasa	(1,385)	—
Baki pada akhir tahun	<u>17,028</u>	<u>18,413</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN			
Lain-lain Akaun Belum Terima		14,420	14,420
Pungutan Hasil Air			
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu		(14,420)	(14,420)
		<u>—</u>	<u>—</u>
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST Input)		—	75,097
Pinjaman Kenderaan		85,394	63,395
Pinjaman Komputer		5,880	—
Faedah atas Deposit Tetap Terakru		262,478	211,538
Bantuan Bayaran Lampu Awam		663,771	554,196
Deposit Utiliti		217,456	427,867
Terimaan ISF yang belum dipindahkan (November dan Disember 2018)		584,735	—
Akaun Penyelesaian Cek		25,914	8,470
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST)		234,538	101,385
Penghutang Lain-lain	(a)	32,909	5,663
		<u>2,113,075</u>	<u>1,447,611</u>
Dianalisa seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan		1,815,041	971,096
Lebih daripada 12 bulan		298,034	476,515
		<u>2,113,075</u>	<u>1,447,611</u>
(a) Penghutang lain-lain terdiri daripada:			
Terimaan kad kredit/e-debit		2,599	2,599
Bayaran pendahuluan lesen memandu		—	60
Tuntutan semula di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965		50	50
Tuntutan semula bayaran emolumen kakitangan kontrak		2,953	2,953
Tuntutan semula bayaran emolumen bagi Julai 2018-Setiausaha		9,665	—
Bayaran cukai tanah H.S.(D) 00012068 P.T.B. 00015894 tahun 2019		17,640	—
Terlebih pindahan tunai oleh BIMB untuk akaun PPKB		2	—
		<u>32,909</u>	<u>5,662</u>
6. DEPOSIT TETAP			
Bank Komersial	(a)	31,894,453	23,812,363
Institusi kewangan	(b)	14,475,990	7,475,990
		<u>46,370,443</u>	<u>31,288,353</u>

Pelaburan Deposit Tetap merupakan Aset Kewangan Dipegang Hingga Matang yang terdiri daripada Deposit Tetap dengan Bank dan Syarikat Kewangan Berlesen. Pelaburan Deposit Tetap mempunyai kadar faedah 3.20% ke 4.30% setahun (2017: 2.95% ke 3.85% setahun) yang matang dalam tempoh 1 hingga 12 bulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
(a) Deposit Tetap di Bank Komersial terdiri daripada:			
Bank Islam Malaysia Berhad		16,617,661	10,865,661
CIMB Berhad		9,137,828	6,055,738
Affin Islamic Bank Berhad		5,000,000	—
Malayan Banking Berhad		1,138,964	1,138,964
Am Bank (M) Berhad		—	5,752,000
		<u>31,894,453</u>	<u>23,812,363</u>
(b) Deposit Tetap di Institusi Kewangan terdiri daripada:			
Bank Simpanan Nasional		7,390,696	4,390,696
Bank Rakyat Berhad		7,085,294	3,085,294
		<u>14,475,990</u>	<u>7,475,990</u>
7. TUNAI DAN BAKI BANK			
Wang di Bank	(a)	13,829,703	13,857,917
Panjar Wang Runcit		1,000	1,000
Wang Pusingan Kaunter		500	500
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)		6,301,759	6,064,917
Kumpulan Wang Caruman Tanah Lapang		623,246	623,246
Kumpulan Wang Plaza Pontian		217,014	265,764
Kumpulan Wang Program Pembasmian		97,096	113,639
Kemiskinan Bandar			
		<u>21,070,318</u>	<u>20,926,983</u>
(a) Wang di Bank terdiri daripada:			
Malayan Banking Berhad		5,805,499	6,372,488
Bank Islam Malaysia Berhad- Terimaan Kad Kredit/Debit		770,856	1,816,522
Bank Islam Malaysia Berhad- Agen Kutipan		209,648	151,068
Bank Islam Malaysia Berhad- Kad Kredit/Debit (e-PBT)		100	100
Bank Islam Malaysia Berhad- Agen Kutipan (e-PBT)		100	100
CIMB Berhad		6,224,158	5,106,200
Bank Simpanan Nasional		819,342	411,439
		<u>13,829,703</u>	<u>13,857,917</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

8.2	TAHUN 2017	Nota	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Loji Dan Jentera	Perabot Dan Kelengkapan Pejabat	Peralatan Elektronik	Jumlah
			RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS									
Pada 1 Januari 2017			1,172,117	60,180,187	2,917,268	1,770,690	343,030	2,963,451	69,346,743
Tambahan dalam tahun			—	1,324,591	797,218	—	—	69,968	2,191,777
Pindahan dari kerja dalam kemajuan	9		—	—	—	—	—	—	—
Pelupusan dalam tahun			—	—	(84,713)	—	—	—	—
Pelarasan			—	—	185,973	(185,973)	—	—	(84,713)
Hapus kira			—	—	—	—	—	—	—
KOS PADA 31 DISEMBER 2017			1,172,117	61,504,778	3,815,746	1,584,717	343,030	3,033,419	71,453,807
PELUNASAN/SUSUT NILAI TERKUMPUL									
Pada 1 Januari 2017			53,695	13,827,619	2,596,359	1,696,418	151,900	2,694,423	21,020,414
Pelunasan/Susut nilai tahun semasa			6,373	2,408,137	261,854	25,116	68,605	137,999	2,908,084
Pelupusan dalam tahun			—	—	(84,711)	—	—	—	(84,711)
Pelarasan			—	—	185,972	(185,972)	—	—	—
Hapus kira			—	—	—	—	—	—	—
PELUNASAN/SUSUT NILAI									
TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017			60,068	16,235,756	2,959,474	1,535,562	220,505	2,832,422	23,843,787
AMAUN BAWAAN									
Pada 31 Disember 2017			1,112,049	45,269,022	856,272	49,155	122,525	200,997	47,610,020

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
9. KERJA DALAM KEMAJUAN			
Baki pada awal tahun		—	—
Tambahan	(a)	354,092	—
Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan		—	—
Baki pada akhir tahun		<u>354,092</u>	<u>—</u>
(a) Tambahan Kerja Dalam Pelaksanaan terdiri daripada:			
Menaiktaraf Bangunan Stor di Rimba Terjun		81,554	—
Membina Tandas Sejahtera		68,569	—
Menaiktaraf Gelanggang Futsal:			
Dataran Dato' Jalok		72,723	—
Taman Benut Utama		44,679	—
Taman Jasa Indah		52,142	—
Menaiktaraf Gelanggang Bola		34,425	—
Keranjang di Dataran Dato' Jalok		<u>354,092</u>	<u>—</u>
10. ASET TAK KETARA			
10.1 TAHUN 2018			
	Perisian komputer	Perisian komputer dalam pelaksanaan	Jumlah
	RM	RM	RM
KOS			
Pada 1 Januari 2018	737,521	—	737,521
Tambahan dalam tahun	210,375	75,000	285,375
Pindahan	—	—	—
Pelarasan tahun lalu	—	(97,875)	(97,875)
KOS PADA 31 DISEMBER 2018	<u>947,896</u>	<u>(22,875)</u>	<u>925,021</u>
PELUNASAN TERKUMPUL			
Pada 1 Januari 2018	461,487	—	461,487
Pelunasan tahun semasa	100,820	100,819	201,639
PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2018	<u>562,307</u>	<u>100,819</u>	<u>663,126</u>
AMAUN BAWAAN			
Pada 31 Disember 2018	<u>385,589</u>	<u>(123,694)</u>	<u>261,895</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

10.2 TAHUN 2017

	Perisian komputer	Perisian komputer dalam pelaksanaan	Jumlah
	RM	RM	RM
KOS			
Pada 1 Januari 2017	737,521	—	737,521
Tambahan dalam tahun	—	210,375	210,375
Pindahan	—	—	—
KOS PADA 31 DISEMBER 2017	737,521	210,375	947,896
PELUNASAN TERKUMPUL			
Pada 1 Januari 2017	461,487	—	461,487
Pelunasan tahun semasa	100,820	—	100,820
PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2017	562,307	—	562,307
AMAUN BAWAAN			
Pada 31 Disember 2017	175,214	210,375	385,589

Nota 2018 2017
 RM RM

11. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN
PERBELANJAAN TERAKRU

Pelbagai Akaun Belum Bayar	(a)	2,414,772	1,623,645
Akaun Belum Bayar Urusniaga	(b)	149,498	183,547
Bukan Pertukaran			
Sewaan		14,720	24,830
Agen Kutipan		992	787
Akaun Penyelesaian Cek		650	94,426
Cukai barang dan Perkhidmatan (GST Output)		443	11,550
		<u>2,581,075</u>	<u>1,938,785</u>
(a) Pelbagai Akaun Belum Bayar terdiri daripada:			
Faedah Akaun Semasa ISF belum dipindahkan		1,343	1,270
Lain-lain Sipiutang		2,227,503	1,586,351
Terimaan Kad Kredit/e-Debit		1,840	1,840
Agen kutipan-CIMB clicks		—	104
Amanah Pengambilan Balik Tanah- Pemaju		151,651	—
Sumbangan pemaju		10,000	10,000
CIMB Foundation-Local Agenda 21		22,435	24,080
		<u>2,414,772</u>	<u>1,623,645</u>
(b) Akaun Belum Bayar Urusniaga Bukan Pertukaran terdiri daripada:			
Cukai Harta		149,249	182,048
Kompaun Letak Kereta		45	45
Notis dan Waran		204	1,454
		<u>149,498</u>	<u>183,547</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
12. DEPOSIT			
Deposit	(a)	11,651,550	9,761,156
Wang Jaminan Pelaksanaan Projek (WJP)		755,481	834,937
		<u>12,407,031</u>	<u>10,596,093</u>
(a) Deposit terdiri daripada:			
Permohonan Pelan		9,506,446	8,350,426
Permit Bangunan Sementara		971,469	218,768
Sewaan		384,180	433,536
Penswastaaan		300,000	300,000
Kebersihan		6,200	6,630
Sebut Harga/Tender		270	2,696
Penjaja/Lesen Sementara/Permit Kaki lima		20,324	15,924
Permohonan Lesen Baru		75,400	141,100
Expo Perdagangan/hiburan		13,225	12,650
Kain Rentang		17,950	14,525
Bekalan Air/Elektrik		43,020	48,020
Lain-lain		313,066	216,881
		<u>11,651,550</u>	<u>9,761,156</u>
13. AKAUN AMANAH			
Wang Amanah-Sumbangan Kemajuan (ISF)	(a)	6,603,184	6,090,976
Wang Amanah-Sumbangan Tanah Lapang	(b)	180,813	623,190
Wang Amanah-Kemajuan Letak Kereta		356,900	356,900
Wang Amanah-Kompleks Plaza Pontian	(c)	215,968	264,707
Wang Amanah-Caj Pemajuan		221,700	-
		<u>7,578,565</u>	<u>7,335,773</u>
(a) Wang Amanah-Sumbangan Kemajuan (ISF) terdiri daripada:			
Baki pada awal tahun		6,090,976	-
Terimaan tahun semasa		1,210,177	6,131,459
Tolak: Pelunasan		(679,394)	(40,483)
Pelarasan		(18,575)	-
Baki pada akhir tahun		<u>6,603,184</u>	<u>6,090,976</u>
(b) Wang Amanah-Sumbangan Tanah Lapang terdiri daripada:			
Baki pada awal tahun		623,190	-
Terimaan tahun semasa		-	623,190
Tolak: Pelunasan		(442,300)	-
Pelarasan		(77)	-
Baki pada akhir tahun		<u>180,813</u>	<u>623,190</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	2018 RM	2017 RM
(c) Wang Amanah-Kompleks Plaza		
Pontian terdiri daripada:		
Baki pada awal tahun	264,707	—
Terimaan tahun semasa	—	276,199
Tolak: Pelunasan	(48,737)	(11,492)
Pelarsan	(2)	—
Baki pada akhir tahun	<u>215,968</u>	<u>264,707</u>
14. GERAN TERTUNDA		
Baki pada awal tahun	767,782	226,873
Terimaan tahun semasa	3,739,758	3,769,302
Pelarsan	7,231	—
Tolak: Pelunasan	(2,724,699)	(3,228,393)
Baki pada akhir tahun	<u>1,790,072</u>	<u>767,782</u>
Geran Tertunda terdiri daripada:		
Projek Kecil Pembangunan di	113,316	582,192
Kawasaan PBT (BP1)		
Program Bersih Indah	30	30
Peruntukan Jabatan Landskap Negara	17,580	17,580
Program Pembasmian Kemiskinan Bandar	85,252	101,792
MARRIS	1,486,869	32,217
Projek Bencana Banjir	1,120	1,120
Emolumen dan Bayaran Perkhidmatan	84,651	31,597
Anggota		
Program Kesihatan Persekitaran PBT	1,254	1,254
	<u>1,790,072</u>	<u>767,782</u>
		<i>Dinyatakan</i>
		<i>Semula</i>
	<i>Nota</i>	<i>2017</i>
	<i>2018</i>	<i>RM</i>
	<i>RM</i>	
15. PERUNTUKAN		
Manfaat Pekerja-Gantian Cuti Rehat	(a) 337,825	327,852
Manfaat Pekerja-Ganjaran	(b) 11,568	—
Bantuan Khas Kewangan	296,000	—
Yuran Juruaudit Luar	21,827	—
Sumbangan kepada Yayasan Muafakat	328,844	—
Pontian		
Lain-lain	661	—
	<u>996,725</u>	<u>327,852</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
(a) Manfaat Pekerja-Gantian Cuti Rehat:			
Baki pada awal tahun		327,852	229,963
Tambahan dalam tahun		129,162	187,614
Kurangan dalam tahun		(119,189)	(89,725)
		<u>337,825</u>	<u>327,852</u>
(b) Manfaat Pekerja-Ganjaran:			
Baki pada awal tahun		—	—
Tambahan dalam tahun		11,568	25,576
Kurangan dalam tahun		—	(25,576)
		<u>11,568</u>	<u>—</u>
			Dinyatakan Semula
		2018 RM	2017 RM
Peruntukan Manfaat Pekerja dianalisa seperti berikut:			
Kurang daripada 12 bulan		140,730	169,370
Lebih daripada 12 bulan		208,663	158,482
		<u>349,393</u>	<u>327,852</u>
16. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN			
	Nota	2018 RM	2017 RM
Cukai Taksiran		27,310,192	26,386,759
Caruman Bantu Kadar		409,025	409,025
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit		2,185,640	2,317,835
Denda dan Hukuman		234,500	310,107
Terimaan dari Agensi Kerajaan		6,881,421	6,537,282
Lain-lain Terimaan	(a)	1,470,509	107,109
Hasil Pelupusan-Traktor BJE 1245		2,700	—
		<u>38,493,987</u>	<u>36,068,117</u>
(a) Lain-lain Terimaan terdiri daripada:			
Terimaan Wang Amanah-ISF		679,394	40,483
Deposit tidak dituntut		8,670	3,770
Terimaan Wang Amanah-Sumbangan tanah lapang		442,300	—
Terimaan Wang Amanah-Kompleks Plaza Pontian		48,737	21,970
CIMB Foundations-LA21		1,645	—
Terimaan Faedah Deposit Plaza Pontian -TNB		3,962	—
Lain-lain Terimaan		126,505	40,886
Terimaan Jentera Mini Hidro dan Solar serta komponen berkaitan untuk Program Low Carbon		159,296	—
		<u>1,470,509</u>	<u>107,109</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	2018 RM	2017 RM
17. URUSNIAGA PERTUKARAN		
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,538,632	1,016,861
Sewaan	928,441	754,157
Faedah	1,452,015	1,196,581
Perolehan dari Jualan Barang	543,906	493,068
	<u>4,462,994</u>	<u>3,460,667</u>
18. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP		
Makanan dan Minuman	7,785	7,875
Penginapan	24,372	19,101
Elaun Perjalanan, Bayaran Tambang Bas dan Teksi	91,554	84,231
Bayaran-bayaran Lain	4,451	4,273
	<u>128,162</u>	<u>115,480</u>
19. UTILITI		
Elektrik	1,957,303	1,645,582
Air	291,715	348,925
Telefon	56,920	67,428
Pos	42,207	9,511
Internet	203,859	193,486
Utiliti yang lain	11,803	4,492
	<u>2,563,807</u>	<u>2,269,424</u>
20. SEWAAN		
Sewaan Kenderaan dan Jentera	10,700	3,250
Sewaan Khemah/Kerusi/Meja	173,189	240,900
Sewaan Mesin Fotostat	33,432	33,226
Sewaan Kelengkapan Elektrik Lain	57,839	36,768
Bayaran Sewa yang Lain	12,800	-
	<u>287,960</u>	<u>314,144</u>
21. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH		
Alat-alat Ganti	200	917
Petroleum dan Bahan Bakar	114,406	103,305
Getah dan Barang Keluaran Getah	20,057	8,286
Logam	15,000	-
Galian Mentah Bukan Logam	23,530	17,038
Kimia dan Bahan Kimia	42,747	52,057
Bekalan Pertanian	35,224	4,594
	<u>251,164</u>	<u>186,197</u>
22. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN		
Bekalan Pejabat	241,431	281,642
Bekalan Tenunan dan Barang-barang Pakaian	172,579	111,438
Bekalan Am	268,485	451,529
Bekalan dan Alat-alat Kejuruteraan	32,813	5,228
	<u>715,308</u>	<u>849,837</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
23. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL			
Penyelenggaraan Bangunan		61,077	22,071
Penyelenggaraan Kemudahan		4,313,960	4,209,229
Penyelenggaraan Kenderaan dan Jentera		101,519	99,409
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat		9,331	420
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektronik		33,930	12,530
Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektrik		127,753	31,516
Penyelenggaraan Aset-aset Lain		—	176
		<u>4,647,570</u>	<u>4,375,351</u>
24. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI			
Perkhidmatan yang dibeli (a)		626,972	566,225
Bayaran Pekerja Sementara dan Sambilan		1,112,967	1,113,960
Keraian, Hospitaliti dan Honorarium		300,725	260,683
Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid		112,737	131,558
		<u>2,153,401</u>	<u>2,072,426</u>
(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:			
Perkhidmatan Perubatan		4,746	63,711
Perkhidmatan Audit		21,827	19,370
Perkhidmatan Penilaian		121,078	—
Latihan Kakitangan		140,749	202,042
Perkhidmatan Komputer dan Proses Data		94,052	85,862
Perkhidmatan Perunding		108,759	23,868
Perkhidmatan Pengiklanan		7,128	5,940
Perkhidmatan Cetak/Hantar Bil Cukai		66,000	135,960
Perkhidmatan Lain-lain		62,633	29,472
		<u>626,972</u>	<u>566,225</u>
25. ALAT KELENGKAPAN			
Kenderaan dan Jentera		23,591	16,472
Harta-harta Modal yang lain		3,965	97,119
Alat Kelengkapan yang lain		7,975	8,773
		<u>35,531</u>	<u>122,364</u>
26. POKOK DAN BENIH			
Anak Pokok		<u>56,200</u>	<u>—</u>
27. PEMBERIAN DALAM NEGERI			
Kurniaan Tambang Haji		14,260	18,621
Yayasan PBT-Yayasan Muafakat Pontian		328,844	295,662
Pemberian yang lain		3,000	6,000
		<u>346,104</u>	<u>320,283</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
28. PELBAGAI PERBELANJAAN			
Cukai Tanah		54,011	60,953
Belanja Pengurusan Kompleks Plaza Pontian		48,737	11,492
Pelbagai Bayaran	(a)	185,479	1,450,448
		<u>288,227</u>	<u>1,522,893</u>
(a) Pelbagai bayaran terdiri daripada:			
Insuran Kenderaan		70,857	40,945
Insuran Bangunan		54,528	36,440
Insuran Pemindahan Wang		1,691	1,691
Insuran Tanggungan Awam		1,010	1,010
Pelbagai bayaran termasuk Premium		38,679	41,691
Insuran, Komisen Bank			
Bayaran Perkhidmatan Bank		—	18,035
Belanja Terakru Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST output)		17,069	1,310,636
Program Local Agenda 21-CIMB Foundation		1,645	—
		<u>185,479</u>	<u>1,450,448</u>
29. PULANGBALIK DAN HAPUSKIRA			
Pulangbalik Hasil		2,923	—
Hapuskira: Harta Benda	(a)	12,481,816	2
Penghutang Sewaan		3,135	10,504
		<u>12,487,874</u>	<u>10,506</u>
(a) Hapuskira Harta Benda terdiri daripada:			
Pelarasan baki Kos Bangunan Plaza Pontian		12,481,800	—
Pelarasan Peruntukan Susut Nilai pelupusan aset		16	2
		<u>12,481,816</u>	<u>2</u>

Pelarasan baki Kos Bangunan Plaza Pontian yang dikeluarkan dari senarai Hartanah Majlis pada tahun kewangan semasa sebagaimana penghakiman persetujuan yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru pada 10 April 2018 berkaitan dengan kes mahkamah hartanah di H.S.(D) 12068 P.T.B. 15894, Bandar Pontian Kechil, Pontian, Johor. (Nota 8)

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

10hb Okt. 2019]

3569

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

	Nota	2018 RM	2017 RM
30. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
Membina/Pembaikan Bangunan	(a)	1,672,466	145,496
Membina/Pembaikan Kemudahan	(b)	2,721,067	837,496
Membina/Pembaikan Lampu	(c)	946,606	77,017
Belanja Geran Tertunda	(d)	2,724,699	3,228,393
Belanja Wang Amanah-Sumbangan ISF		679,394	40,483
Belanja Wang Amanah-Sumbangan Tanah Lapang		442,300	—
		<u>9,186,532</u>	<u>4,328,885</u>
(a) Membina/Pembaikan Bangunan terdiri daripada:			
Membina/Menaiktaraf Bangunan Pejabat		44,441	9,800
Membina/Menaiktaraf Gerai & Pusat Penjaja		19,980	19,991
Membina/Menaiktaraf Tandas Awam		50,247	1,850
Membina/Menaiktaraf Stor & Kuarters		91,060	—
Membina/Menaiktaraf Dewan/Balai Raya		29,012	18,229
Membina/Menaiktaraf Pusat Kenderaan		435,150	15,660
Membina/Menaiktaraf Pasar		23,907	7,800
Membina/Menaiktaraf Kompleks Sukan		365,589	39,760
Membina/Menaiktaraf Bangunan Lain		613,080	32,406
		<u>1,672,466</u>	<u>145,496</u>
(b) Membina/Pembaikan Kemudahan terdiri daripada:			
Membina/Menaiktaraf Jalan		221,042	112,340
Membina/Menaiktaraf Parit		8,400	104,024
Pengindahan Bandar		915,713	428,835
Tempat Rekreasi dan Riadah		1,003,346	19,900
Program Bandar Selamat		18,680	—
Membina/Menaiktaraf Pejalan Kaki		155,880	—
Membina/Menaiktaraf Pondok Bas		44,494	—
Perolehan Perkhidmatan ICT		84,000	—
Membina/Menaiktaraf Kemudahan Lain		269,512	172,397
		<u>2,721,067</u>	<u>837,496</u>
(c) Membina/Pembaikan Lampu terdiri daripada:			
Lampu Jalan		196,458	77,017
Lampu Hiasan		400,700	—
Lampu Isyarat		349,448	—
		<u>946,606</u>	<u>77,017</u>
(d) Belanja Geran Tertunda terdiri daripada:			
Projek Kecil Pembangunan Kawasan PBT		575,738	617,202
Program Pembasmian Kemiskinan Bandar MARRIS		16,820	11,785
		1,945,489	2,336,023
Emolumen Kakitangan OSC, COB dan SKS		178,702	263,383
Program Kesihatan Persekitaran		7,950	—
		<u>2,724,699</u>	<u>3,228,393</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

31. INSTRUMEN KEWANGAN - DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko Kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi Majlis bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko Kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2018			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	2,581,075	—	2,581,075
Deposit	12,407,031	—	12,407,031
Akaun Amanah	7,578,565	—	7,578,565
	<u>22,566,671</u>	<u>—</u>	<u>22,566,671</u>
Pada 31 Disember 2017			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	1,938,785	—	1,938,785
Deposit	10,596,093	—	10,596,093
Akaun Amanah	7,335,773	—	7,335,773
	<u>19,870,651</u>	<u>—</u>	<u>19,870,651</u>

Nilai Saksama

Nilai dibawa Tunai dan Kesetaraan Tunai, Belum Terima dan Belum dibayar adalah menyamai Nilai Saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

32. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Majlis di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2018	2017
Jumlah Kakitangan Penting Pihak Pengurusan:		
Tempoh Januari-Jun	25	25
Tempoh Jun-Disember	24	25
	2018 RM	2017 RM
Jumlah ganjaran	708,560	363,727

33. PENGLIBATAN MODAL

	Nota	2018 RM	Dinyatakan Semula 2017 RM
Sistem e-PBT Johor	(a)	562,500	637,500
Pembelian seunit Skylift		—	393,245
		562,500	1,030,745

Nota (a):

Perjanjian e-PBT Johor telah ditandatangani pada 1 Mac 2010 oleh Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim bersama Majlis Daerah Pontian dan Tetuan Msc Cyberport Sdn. Bhd. (No. Syarikat 726902-W) bagi pelaksanaan Sistem e-PBT Johor dengan kos berjumlah RM1.5 juta bagi tempoh sepuluh (10) tahun, terdiri daripada:

	RM
Kos Perisian	750,000
Penyelenggaraan (9% daripada kos perisian)	540,000
Menaiktaraf (15% daripada kos perisian)	112,500
Kos Faedah (5% daripada perisian x 5 tahun)	187,500
	1,590,000

Majlis mengambil kira Kos Perisian sahaja untuk dinyatakan dalam Penglibatan Modal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

34. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BELANJAWAN DAN SEBENAR

Belanjawan Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018. Jumlah belanjawan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Belanjawan Majlis Daerah Pontian pada 16 Mei 2017. Belanjawan asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Johor pada 6 Disember 2017. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada belanjawan yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam belanjawan asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2018, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM416,836.10.

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala Belanjawan disediakan pada Asas Tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari Asas Akruan kepada Asas Tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama seperti mana belanjawan yang telah diluluskan. Perbandingan Jumlah Belanjawan dan Sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan Belanjawan yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar.

Selain Perbezaan Asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan Penyata Kewangan dan Belanjawan yang diluluskan.

Perbezaan Masa wujud apabila tempoh Belanjawan disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan.

Perbezaan Entiti wujud apabila Belanjawan tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti di bawah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti di bawah:

	Nota	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembiayaan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar		1,710,750	(1,710,750)	—	—
Perbezaan asas	(a)	2,668,695	(462,237)	—	2,206,458
Perbezaan masa		—	—	—	—
Perbezaan entiti		—	—	—	—
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai		4,379,445	(2,172,987)	—	2,206,458

Nota a: Perbezaan Asas berlaku kerana belanjawan disediakan mengikut Asas Tunai dan Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

35. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PENYATA KEWANGAN

Pada 10 April 2018, penghakiman persetujuan telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru berkaitan dengan kes mahkamah hartanah di H.S.(D) 12068 P.T.B. 15894, Bandar Pontian Kechil, Pontian, Johor.

Majlis Daerah Pontian perlu memindahkan hartanah tersebut kepada pemaju iaitu Tetuan Rampai Maluri Sdn. Bhd. dalam tempoh 14 hari dari tarikh penghakiman persetujuan bermeterai disampaikan dengan menyampaikan geran hartanah kepada peguamcara pemaju. Borang Pindahmilik Tanah, Bahagian atau Pusaka (14 A) telah ditandatangani oleh Majlis Daerah Pontian pada 28 Mei 2018.

Pelarasan kos tanah bernilai RM179,300 sepatutnya dibuat dalam tahun kewangan semasa tetapi pemaju belum membuat pendaftaran pertukaran hakmilik di pejabat tanah. Oleh yang demikian, kos tanah hanya akan dibuat pelarasan selepas pemaju membuat pendaftaran pertukaran hakmilik di pejabat tanah dan pelarasan dijangka akan dibuat dalam tahun kewangan berikutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

36. ANGKA-ANGKA BANDINGAN					
Sebahagian daripada angka-angka bandingan berikut telah diubahsuai bagi mengambil kira persembahan tahun kewangan semasa.					
	Nota	Seperti Dinyatakan Terdahulu RM	Pelarasan Tahun Lalu RM Nota a	Kesan Pemakaian MPSAS RM Nota b	Seperti Dinyatakan Semula RM
Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	36.1	809,136.44	809,136.44	—	—
(a) Peruntukan Hutang Ragu-Cukai Taksiran					
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	36.2	18,413.00	3,365.00	—	15,048.00
(b) Peruntukan Hutang Ragu-Sewaan					
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	36.3	75,097.47	(22,593.18)	—	52,504.29
(c) Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST Input)					
Aset Tak Ketara	36.4	210,375.00	(97,875.00)	—	112,500.00
(d) Perisian Komputer dalam Pelaksanaan					
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru	36.5	1,586,350.46	1,610.75	—	1,584,739.71
(e) Lain-lain Siputang					
Akaun Amanah	36.6	623,190.38	76.88	—	623,113.50
(f) Kumpulan Sumbangan Tanah Lapang					
Peruntukan	36.7	327,851.90	37,853.55	(229,962.75)	135,742.70
(g) Peruntukan Manfaat Pekerja - GCR		—	—	(43,821.46)	(43,821.46)
(h) Peruntukan Manfaat Pekerja - Ganjaran		3,650,414.65	731,574.44	(273,784.21)	2,479,826.74

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

Nota a:

Pelarasan ini merupakan pelarasan tahun lalu yang dinyatakan semula seperti berikut:

36.1. Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima

- (a) Pelarasan semula Peruntukan Hutang Ragu Baikpulih-Cukai
Taksiran tahun 2018

36.2. Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima

- (b) Pelarasan semula Peruntukan Hutang Ragu Baikpulih - Sewaan
tahun 2018

36.3. Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan

- (c) (i) Melaraskan semula Cukai GST Input sebanyak RM2,428.98
bayaran akhir kepada S.E.C Engineering Services untuk
Kerja-kerja Penyelenggaraan Tahunan Sistem Lampu Isyarat
di dalam Kawasan Majlis Daerah Pontian bagi Tempoh 12
Bulan (MDP/T/36/2017). No. Inden: F170001
- (ii) Melaraskan semula Cukai GST Input sebanyak RM20,164.20
(kod cukai TX-RE) bagi pembekalan dua (2) unit Lori Crew
Cab Isuzu oleh Automotive Corporation Malaysia Sdn. Bhd.
No. Pesanan Kerajaan: W170160

36.4. Aset Tak Ketara

- (d) Melaraskan kos penyelenggaraan (9% daripada kos perisian)
iaitu RM81,000.00 dan kos menaiktaraf (15% daripada kos
perisian) RM16,875.00 daripada Akaun Perisian Komputer dalam
Pelaksanaan untuk Sistem e-PBT Johor.

36.5. Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru

- (e) (i) Melaraskan lebihan tanggungan untuk Kerja-kerja Pembersihan
Tandas Awam Milik MDP oleh Syarikat Abdul Razak bin
Mohd Salleh sebanyak RM1,518.00.
- (ii) Melaraskan lebihan tanggungan Elaun Penanggungan Kerja
sebanyak RM92.75 kepada Tuan Haji Onn bin Jaafar pada
tahun 2017.

36.6. Akaun Amanah

- (f) Melaraskan semula terimaan faedah akaun semasa tahun 2016
untuk Kumpulan Wang Sumbangan Tanah Lapang sebanyak
RM76.88 kerana tersilap jernal.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018—(Samb.)

36.7. Peruntukan

- (g) (i) Pelarasan Peruntukan Manfaat Pekerja-Gantian Cuti Rehat untuk tahun 2016 dan 2017 dengan jumlah RM229,962.75 dan RM169,369.55. Pada tahun 2017, terdapat bayaran gantian cuti rehat yang dibayar kepada kakitangan yang bersara paksa dan bersara pilihan sebanyak RM71,480.40, iaitu:

En. Saad bin Hashim – Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U32 (TBK)	26,780.55
--	-----------

Pn. Jamilah bte Jupri – Pembantu Tadbir Kewangan W22	20,477.10
---	-----------

En. Ahmad bin Abd. – Pembantu Awam H11 Majid	11,792.80
---	-----------

En. Mokmin bin Bon – Pembantu Awam H11	12,429.95
--	-----------

Bayaran Gantian Cuti Rehat tahun 2017 diselaraskan dengan Peruntukan Manfaat Pekerja sebanyak RM169,369.55 dan bayaran kepada yang bersara RM71,480.40.

- (ii) Bayaran Ganjaran kepada kakitangan kontrak tahun 2017 diselaraskan dengan Peruntukan Manfaat Pekerja - Ganjaran sebanyak RM43,821.46.

Bertarikh 28 Ogos 2019
[MDP. 31/63.V.26-(72)]

AB RAHMAN BIN MOHAMED@ISMAIL
Setiausaha
Majlis Daerah Pontian

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

No. 4085.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Bagi Tujuan Menaik Taraf Dan Pelebaran Jalan Gelang Patah (J4) Sepanjang 1.5km Di Mukim Pulau Daerah Johor Bahru Untuk Jabatan Kerja Raya Johor Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Suatu pelan tanah-tanah dan kawasan-kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan tersebut.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

For The Purpose To The Upgrade And Widen At Jalan Gelang Patah (J4) 1.5km Length At Mukim Pulau In The District Of Johor Bahru For Johore Public Works Department Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Johor Bahru. Mukim—Pulai.

No. Lot	Hakmilik atau Ukur	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
Lot	G.M.		Hektar	Hektar
1579	789	Lee Fuon Woon—1/2 bhg. dan Lee Ong Yeng @ Lee Wong Yin —1/2 bhg.	3.7813 (37813 meter persegi)	0.0277 (277 meter persegi)
1593	571	White Feathers Industries (M) Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 477064-W) —1/1 bhg.	3.3007 (33007 meter persegi)	0.209 (2090 meter persegi)
1591	1827	Ng Eng Soon—1/6 bhg., Ng Kim—1/6 bhg.,	1.6162 (16162 meter persegi)	0.2359 (2359 meter persegi)

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
Lot	G.M.		Hektar	Hektar
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 1, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Choi Hoy -2/21 bhg.,		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 2, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Ah Bian -2/21 bhg.,		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 3, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Eng Soon -2/21 bhg.,		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 4, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Kim -2/21 bhg.,		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 5, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Ah Hoi -2/21 bhg.,		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 6, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Kim Lian -2/21 bhg.,		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 7, Warganegara Singapura Memegang Amanah Bagi Pihak Ng Siew Wat -2/21 bhg.,		
		Kaveat Pendaftar Atas Syer Ke Atas Bhgn.-		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 1, -2/21 bhg.		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 2, -2/21 bhg.		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 3, -2/21 bhg.		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 4, -2/21 bhg.		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 5, -2/21 bhg.		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 6, -2/21 bhg.		
		Eu Soo sebagai Pemegang Amanah 7, -2/21 bhg.		
321	801	Tropicana Desa Mentari Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 312289-W)-1/1 bhg.,	3.7939 (37939 meter persegi)	0.1413 (1413 meter persegi)
		Alliance Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat: 88103-W) -Pemegang Kaveat Persendirian dan	Pengambilan Terdahulu: 0e. 2r. 32p.	

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
Lot	G.M.		Hektar	
		Pemegang Gadaian	Pengambilan Terdahulu: 1E. 0R. 6P.	
		Tiarn Oversea Group Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1191063-W) –Pemegang Kaveat Persendirian	Pengambilan Terdahulu: 0.3140 hektar	
313	800	Tropicana Desa Mentari Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 312289-W)–1/1 bhg.,	4.0469 (40469 meter persegi)	0.1416 (1416 meter persegi)
		Alliance Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat: 88103-W) –Pemegang Kaveat Persendirian dan Pemegang Gadaian Tiarn Oversea Group Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1191063-W –Pemegang Kaveat Persendirian	Pengambilan Terdahulu: 0E. 2R. 24P.	
1584	403	P.Y Properties Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 97828-P)–1/1 bhg.	1.3810 (13810 meter persegi)	0.1487 (1487 meter persegi)
1582	592	One Motive City Development Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1044957-D)–1/1 bhg.	2.3623 (23623 meter persegi)	0.2531 (2531 meter persegi)
T.K. 1	–	Tanah Kerajaan (Simpanan Jalan Sedia Ada)	–	2.0729 (20729 meter persegi)

Bertarikh 22 September 2019
Dated 22 September 2019
[PTJB(PBT) 02/03/02/13/19/2018;
PTG. 02/03/02/1300/0002/2019/0277/2019;
PPUUNJ. 600-1/5/13 JLD. 4(11)]

DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD. KADIR
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
Director of Lands and Mines Johore*

No. 4086.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

Dalam pemberitahuan No. 1538 yang telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Johor* pada 25 April 2019, pinda ruangan Jadual berikut:

In the notification No. 1538 published in the Johore State Government *Gazette* on the 25 April 2019, amend the following Schedule:

JADUAL/SCHEDULE

(a) di baris pertama, muka surat 1474 kepada yang berikut:

(a) in the first line, at page 1474 the following:

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
“Lot 511	G.M. 936	Heng Mok Hoo–1/1 bhg.	Hektar 0.0314	0.0314”

Kepada;
To;

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
“Lot 511	G.M. 936	Heng Mok Hoo–1/1 bhg.	Hektar 0.0314	0.0314.”.

(b) di baris pertama, muka surat 1475 kepada yang berikut:

(b) in the first line, at page 1475 the following:

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
“Lot 518	G.M. 964	Shadan bin Satiman–1/1 bhg.	Hektar 1.048	1.048”

Kepada;
To;

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
“Lot 518	G.M. 964	Shadan bin Satiman–1/1 bhg.	Hektar 1.048	1.048.”.

(c) di baris kedua, muka surat 1475 kepada yang berikut:

(c) in the second line, at page 1475 the following:

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
"Lot 1763	G.M. 341	Tang Ngo Noi-1/2 bhg. dan Yeoh Swen Hoo-1/2 bhg.	Hektar 0.7774	0.7774"

Kepada;
To;

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
"Lot 1763	G.M. 341	Tang Ngo Noi-1/2 bhg. dan Yeoh Swen Hoo-1/2 bhg.	Hektar 0.7774	0.7774".

dan;
and;

(d) di baris terakhir, muka surat 1475 kepada yang berikut:
(d) in the last line, at page 1475 the following:

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
"Lot 991	G.M. 122	Lee Cho Hiong-1/2 bhg. dan Lee Choo Chee-1/2 bhg.	Hektar 1.3112	1.3112"

Kepada;
To;

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran keluasan yang akan diambil Hektar
"Lot 991	G.M. 122	Lee Cho Hiong-1/2 bhg. dan Lee Choo Chee-1/2 bhg.	Hektar 1.3112	1.3112".

Bertarikh 22 September 2019
Dated 22 September 2019
[PTDKT 04/07/02/1300/08/2017;
PTG 04/07/02/1300/0011/2017/0509/2017;
PPUUNJ. 600-1/5/13 JLD. 4(3)]

DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD. KADIR
Pengarah Tanah dan Galian Johor
Director of Lands and Mines Johore

PEMBERITAHU LEWAT

No. 4087.

اینکمن فنتدیرن اکام اسلام نکري (جوهر) 2003

دباوه سوبسیکشن 48 (6)

قد منجالنکن کواس یغ دبیریکن اولیه سیکشن 47 اینکمن فنتدیرن اکام اسلام
(نکري جوهر) 2003 [اینکمن 16 تامون 2003]، جاوتنکواس فتوی نکري
جوهر، اُتس فرینته دان فرکنن دولي یغ مها مولیا سلطان، میدیاکن فتوی یغ
دیاتاکن دباوه اونتوق دسیارکن منوروت سوبسیکشن 48 (6) اینکمن ایت.

برداسرکن کفد فنداقت امام شافعی بهاوا هرتا فوساک سی ماتی بولیہ ترحق کفد
بیت المال یغ دتدیر اوروس دغن باءیق سفرتی یغ اد سکارغ. هرتا فوساک یغ ترحق
کفد بیت المال اداله هرتا یغ دتیغکلکن اولیه سی ماتی یغ تیاد واریث اتاو تیاد
واریث یغ لایق مذهباییسی هرتا ترسبوت ستله دباکیکن کفد واریث یغ برحق
مغیکوت حکوم شرع.


برتاریخ 18 محرم 1441 / 18 سیفتمبر 2019
[JMJ.351/04/01/6/43; PPUUNJ.R.600-1/5/8(9)]

دغن تیتہ ،



داتوء حاج یحیی بن احمد ،

مفتی نکري جوهر.



حاجه شوبانه بنت يوسف

جوړو تولیس مجلس مشوارت کراجاءن جوهر.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI (JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

Berdasarkan kepada pendapat Imam Syafie bahawa harta pusaka si mati boleh terhak kepada Baitulmal yang ditadbir urus dengan baik seperti yang ada sekarang. Harta pusaka yang terhak kepada Baitulmal adalah harta yang ditinggalkan oleh si mati yang tiada waris atau tiada waris yang layak menghabisi harta tersebut setelah dibahagikan kepada waris yang berhak mengikut Hukum Syarak.

Bertarikh 18 Muharram 1441 / 18 September 2019
[JMJ.351/04/01/6/43; PPUUNJ.R.600-1/5/8(9)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

No. 4088.

اینکمن فنتدبیرن اکام اسلام نکري (جوهر) 2003

دباوه سوبسیکشن 48 (6)

قد منجالنکن کواس یغ دبیرکن اولیه سیکشن 47 اینکمن فنتدبیرن اکام اسلام (نکري جوهر) 2003 [اینکمن 16 تاهون 2003]، جاوتنکواس فتوی نکري جوهر، اُتس فرینته دان فرکنن دولي یغ مها مولیا سلطان، مپدیاکن فتوی یغ دیاتاکن دباوه اونتوق دسیارکن منوروت سوبسیکشن 48 (6) اینکمن ایت.

1. اداله دتتشکن بهاوا اومت اسلام دنکري جوهردارالتعظیم هندقله هان مگیکوت اجرن اسلام یغ برأساسکن فکشن عقیده اهل السنة والجماعة یغ برسومبرکن الیرن الأشعري دان الماتريدي دري سكي شريعة مگیکوت مذهب شافعي اتاو دالم کأداءن ترتتو مگیکوت مان ۲ ساتو مذهب حنفي، مالکي اتاو حنبلي بولیه دروجوع دان دکوناکن دالم مپلسایکن مسئله ۲ ترتتو اُتس شور مجلس اکام اسلام نکري جوهر دان دفرکنن دولي یغ مها مولیا سلطان جوهر. دري سكي تصوف هندقله برقکغ دغن منهج امام جنید البغدادی دان امام الغزالي.

2. بهاوا فهمن حزب التحرير ملیسیا یغ مغمبیل فمیگیرن شیخ تقي الدين النبهاني یأیت فغاساس حزب التحرير اداله برچغکه دغن فکشن اهل السنة والجماعة یغ منجادی ترس فکشن دان عملن مشارکت اسلام دنکري جوهر دار التعظیم.

3. فهمن حزب التحرير فرلو دچکه کسلوروهنن دنکري جوهر دار التعظیم کران اي بولیه منیمبولکن کجلارون، ککلیروان، کسامرن دان منجادی انچمن کقد کأوتوهن فکشن اکام، فرقادوان اومت اسلام، کأمانن سرتا کسلامتن نگارا.

4. چيري ۲ فهمن اتاو اجرن حزب التحرير مليسيا اداله سقرتي برايكوت :

4.1 فهمن دري سودوت عقيدة :

فهمن حزب التحرير يغ برتنتغن دغن عقيدة أهل السنة والجماعة انتاراڻ اياه:

(a) مغاتاكن كقرجاياغن قضاء دان قدر دأمبيل دري اهلي فلسفة يوناني. (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 1، هالمن 66).

(b) قريواتن مأنسي تيدق اد هوبوغن دغن قضاء دان قدر الله. (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 1، جيتغن كأم، تاهون 2003، هالمن 94-95).

(c) مقرتيكاي كمعصومن ني دغن مغاتاكن بهاوا معصومن ني ايت هان سلفس منجادي ني. (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 1، جيتغن كأم، تاهون 2003، هالمن 136).

(d) هدايه دان ضلال بوكن دري الله تنافي دري مأنسي (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 1، جيتغن كأم، تاهون 2003، هالمن 98). اين مپاماي فهمن قدرية.

(e) مغيغكري تأويل. (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 1، جيتغن كأم، تاهون 2003، هالمن 56).

(f) خبر آحاد تيدق بوليه منجادي دليل دالم قركارا عقيدة: (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 1، جيتغن كأم، تاهون 2003، هالمن 193). اين مپاماي فهمن معتزلة.

(g) حرام ميقيني بهاوا عذاب قبور قستي برلاكو. عذاب قبور هان بوليه دقرجاياي سهاج تيدق دغن يقين برلاكوڻ كران اي هان

برسوميركن حديث آحاد. (كپاتاءن النبھاني دالم كتاب
الدوسية الفكرية ص:338).

4.2 فندغن دري سودوت فقه انتارائ :

(a) سسياڤ سھاج بوليھ براجتھاد. (النبھاني: التفكير، چيتقن فرتام،
تھون 1973، ھالمن 122).

(b) للاكي دان وانيتا بيبس برجات تاغن. (النبھاني: النظام
الإجتماعي في الإسلام، چيتقن كأمقت، تھون 2003، ھالمن
51-52).

(c) فتوى النبھاني بوليھ برجومبوان دغن وانيتا أجنيھ.

(d) ھاروس منونتون فيلم لوجه.

(e) ھاروس منجيوم وانيتا بوكن محرم تنفا مقصود برزنا.

4.3 فھمن يغ مراكوكن دري سودوت قوليتيك انتارائ:

(a) كتعصبن منكقكن خلافة.

(b) كتعصبن ترھادف قوليتيك سباكاي قاعدة ترتيغكي حزب
التحرير. (كتاب مفاهيم حزب التحرير، چيتقن كأم، تھون
2001، ھالمن 75).

(c) مندعوى نكارا إسلام مودن سباكاي نكارا كفور. (النبھاني:
الشخصية الإسلامية، جيليد 1، چيتقن كأم، تھون 2003،
ھالمن 61).

(d) معحكوم سيستم ديموكراسي سباكاي سيستم كفور. (رساله المكتب الإعلامي ولاية مصر، رقم الإصدار 14/01 تاريخ 12/1/2014).

(e) ككاكلن ملائتيق خليفه اداله ساله ساتو دوسا تربسر. (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 2، جيتقن كليما، تاهون 2003، هالمن 12).

(f) معمبيل فهمن ايكستريم دالم فركارا منجاتوهكن قميمقين نكارا دغن مغاتاكن سآورغ قميمقين هاروس دقراغي جك تيدق معمملكن حكوم إسلام دان تيدق منمققن شعار إسلام. (رساله منهج حزب التحرير في التغيير).

(g) مپاتاكن جك سبواه نكري دهوني اوليه اورغ إسلام دان برحكوم دغن بوكن إسلام، اورغ إسلام واجب ممرافي قميمقين هيغك مريك برحكوم دغن حكوم إسلام. (النبهاني: الشخصية الإسلامية، جيليد 2، جيتقن كليما، تاهون 2003، هالمن 126).

4.4 معمبيل قميكيرن تقي الدين النبهاني دان بيراف كاريا اصل حزب التحرير يغ دجاديكن روجوعكن دالم فنوليسن دصوت النهضة (سوارا كبغكيتن). انتارا كپاتاءن دالم صوت النهضة:

(a) مليسيا اداله نكارا كفور كران تيدق ملقساناكن حكوم إسلام دان ممقوباءي فرلباكاءن كفور.

(b) مپاماكن مليسيا دغن اسرايل بهاوا كدوا-دوا سبأكاي كمير تيدق سأكيرس.

(c) مڱاڱڪڻ ڦڦواس يڄ تيڊق برحڪوم دڄن حڪوم اسلام اڊاله تيڊق لايق اونٽوق منجادي ڦڦواس دان واجب دڦراڱي اٽاو دبرهنٽيڪن دري جاوتنڻ.

(d) برفندڄن سلاڪي خلافة تيڊق ترٽڪق مك سلوروه اومت اسلام بردوسا.

(e) منولق سموا سيستم يڄ اد ڪاءيتن دڄن سيستم بوڪن اسلام سڦرتي ديموڪراسي دان ڦيليھن راي دان مڱحڪوم بردوسا اورڄ يڄ ترلييت دڄن ڦيليھن راي.

4.5 فھمن ۲ لاءين يڄ ترڪاندوڄ دالم اجرن حزب التحرير ياءيت:

(a) برفڪڄ دڄن ڦميڪيرن تبني ياءيت مواجيڪن ڦڄانوت اڪور دڄن سبارڄ فتوى يڄ دتنتوڪن اوليه ڦارتي تنڦا دڪٽاهوءي سياڦا يڄ مڱلوارڪنڻ.

(b) حرام مڱاساسڪن ڦرتوبوهن ڪباڄيڪن.

(c) مان ۲ دعوۃ يڄ تيڊق برجاي سلڦس 23 تاهون مروڦاڪن دعوۃ يڄ ساله دان ڦرلو منوڪر چاراڻ.

4.6 مڱنڄم ڪهرمونين دان ڪسلامتن نڪارا، انتاراڻ :

(a) ڦنولقن ترهادڦ سيستم ڦيليھن راي، اڪن منداتڱڪن ڪسن نيڪاتيف ترهادڦ ڦراتوسن ڪلوار مڱوندي اورڄ اسلام يڄ بوليه مڱنڄم ڪلڄسوڄن ڦڦواساءن ڦوليتيڪ اومت اسلام.

(b) کسن دري کتيدق ستاييلن فوليتيک اين اکن منيمبولکن
کريسيس فرقومن دان ممري کسن کقد کهرمونين دان کامانن
نکارا.

(c) کچندروغن مگکوليغکن فمريته دغن السن فمريته تيدق
ملقساناکن حکوم اسلام.

5. اوليه يغ دمکين، جاوتنکواس فتوى نکري جوهر، موتوسکن بهاوا:

(a) مان ۲ اورغ اسلام سام اد سجارا اينديويدو اتاو برکومقولن اداله
دحرامکن دان دلارغ برقکغ دغن فهمن دان اجرن حزب
التحريير ترماسوقله -

(i) منجادي اهلي کومقولن فهمن دان اجرن حزب
التحريير.

(ii) برادا ددالم مجلس، فرايادن اتاو سمبوتن کرعين يغ بوليه
دکاءيتکن دغن فهمن دان اجرن حزب التحريير.

(iii) مغيشتهارکن ديري سباکاي اهلي کومقولن حزب
التحريير ملالوئي فغاکوان برسومقه اتاو اف ۲ قاعده
لاءين.

(iv) برسليندوغ دسباليق اف ۲ اکتيويتي ايکونومي،
فرنياکان، فنديديقن، کسين دان سباکاي ملالوئي
فرتوبوهن، فرساتوان اتاو شريکت يغ ممقويائي عنصر ۲
فرسامان دغن فهمن دان اجرن حزب التحريير.

(b) مان ۲ اورغ اسلام سام ادا سچارا اينديويديو اتاو بركومقولن اداله دحرامكن دان دلارغ برقكغ اتاو منجادي قغيكوت اجرن حزب التحرير دان سسياث يغ ملاكوكنش اداله دصيفتكن معملكن اجرن، قكغن دان فهمن يغ برجغكه دغن مذهب اهل السنة والجماعة.

(c) مان ۲ اورغ اسلام سام اد سچارا اينديويديو اتاو بركومقولن يغ مغاجر، مغنجر، بلاجر، مغاداك، ممنتو منجايكن اف ۲ مجلس يغ بوليه دكاعتكن دغن فهمن حزب التحرير اداله ملاكوكن كسالحن.

(d) اف ۲ جوا باهن هيپهن دان سيرن يغ منونجولكن اجرن، قكغن اتاو فهمن حزب التحرير دالم اف جوا بنتوق قنريتن دان جيتقن اتاو سيارن دالم مان ۲ لامن سساوغ، بلوك، facebook دان twitter اتاو مديا سوسيال لادين اداله دتكه.

(e) مان ۲ اورغ اسلام اداله دلارغ مميليقي، ميمقن، منجيتق، منجوال اتاو مغير فيلم، راقمن اوديو اتاو ويسوال، رساله، بوكو ۲، مجله اتاو اف ۲ دوكونن يغ بوليه معاءيتكن اجرن دان فهمن حزب التحرير.

(f) مان ۲ اورغ اسلام اداله دلارغ دان دتكه درقد مميري سوكونن اتاو ملاهيركن سيمقاتي اتاو اف جوا كمودهن، مميري اف جوا سومبغن دان بنتوان كقد قركرقن حزب التحرير اتاو مريك يغ بركايتن دغن.


(g) مان ۲ اورغ اسلام اداله دلارغ دان دتکه درقد مشعمل، ميبير دان
مغمبشکن فهمن دان اجرن حزب التحرير دنکري جوهر دار
التغظيم.

بر تاريخ 12 ذوالقعدة 1440 / 15 جولاي 2019
[JMJ.351/04/01/6/44; PPUUNJ.R.600-1/5/8(11)]

دغن تيته ،



داتوء حاج يحيى بن احمد ،
مفتي نكري جوهر.



حاجه شوبانه بنت يوسف
جوړو توليس مجلس مشوارت كراچاءن جوهر.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM NEGERI (JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Johor Darul Takzim hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang bersumberkan aliran al-Asya'ri dan al-Maturidi dari segi syariah mengikut mazhab Syafie atau dalam keadaan tertentu mengikut mana-mana satu mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu atas syor Majlis Agama Islam Negeri Johor dan diperkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dari segi tasawwuf hendaklah berpegang dengan manhaj Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.
2. Bahawa fahaman Hizbut Tahrir Malaysia yang mengambil pemikiran Sheikh Taqiyuddin al-Nabhani iaitu pengasas Hizbut Tahrir adalah bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi teras pegangan dan amalan masyarakat Islam di Negeri Johor Darul Takzim.
3. Fahaman Hizbut Tahrir perlu dicegah keseluruhannya dari berkembang di negeri Johor Darul Takzim kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan, kekeliruan, kesamaran dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan umat Islam, keamanan serta keselamatan negara.
4. Ciri-ciri fahaman atau ajaran Hizbut Tahrir Malaysia yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah seperti berikut:

4.1. Fahaman dari sudut akidah antaranya:

- (a) Mengatakan kepercayaan qadha' dan qadar ini diambil dari falsafah Yunani (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, halaman: 66).
- (b) Perbuatan manusia tidak ada hubungannya dengan qadha' dan qadar Allah (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 94-95).
- (c) Mempertikai kemaksuman nabi dengan mengatakan bahawa maksumnya nabi itu hanya selepas menjadi nabi (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 136).
- (d) Hidayah dan dholal bukan dari Allah tetapi dari manusia (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003 halaman: 98). Ini menyamai Fahaman Qadariyah.
- (e) Mengingkari takwil (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 56).

- (f) Khabar ahad tidak boleh menjadi dalil dalam perkara akidah. (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman: 193). Ini menyamai fahaman Muktazilah.
- (g) Haram meyakini bahawa azab kubur pasti berlaku. Azab kubur hanya boleh dipercayai sahaja tidak dengan yakin berlakunya kerana ia hanya bersumberkan hadis ahad. (kenyataan al-Nabhani dalam kitab al-Dausiyah al-Fikriyyah, halaman: 338).

4.2. Pandangan dari sudut feqah antaranya:

- (a) Sesiapa sahaja boleh berijtihad. (al-Nabhani: at-Tafkir, cetakan pertama, tahun 1973, halaman: 122).
- (b) Lelaki dan wanita bebas berjabat tangan. (al-Nabhani: an-Nizam al-Ijtima'i fi al-Islam, cetakan keempat, tahun 2003, halaman: 51-52).
- (c) Fatwa an-Nabhani boleh bercumbuan dengan wanita ajnabiah.
- (d) Harus menonton filem lucah.
- (e) Harus mencium wanita bukan mahram tanpa maksud berzina.

4.3. Fahaman yang meragukan dari sudut politik antaranya:

- (a) Ketaksuban menegakkan khilafah.
- (b) Ketaksuban terhadap politik sebagai kaedah tertinggi Hizbut Tahrir (kitab Mafahim Hizbut Tahrir, cetakan keenam, tahun 2001, halaman 75).
- (c) Mendakwa negara Islam moden sebagai negara kufur. (al-Nabhani: al-Shakhsiah, jilid 1, cetakan keenam, tahun 2003, halaman 61).
- (d) Menghukum sistem demokrasi sebagai sistem kufur. (Risalah al-Maktab al-I'lami wilayah Mesir, nombor rujukan 14/01 tarikh 12/1/2014).
- (e) Kegagalan melantik khalifah adalah salah satu dosa terbesar (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah, jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 12).
- (f) Mengambil fahaman ekstrem dalam perkara menjatuhkan pemimpin negara dengan mengatakan seorang pemimpin harus diperangi jika tidak mengamalkan hukum Islam dan menampakkan syiar Islam (Risalah Manhaj Hizbut Tahrir fi al-Taghyir).
- (g) Menyatakan jika sebuah negeri dihuni oleh orang Islam dan berhukum dengan bukan Islam, orang Islam wajib memerangi pemimpinnya hingga mereka berhukum dengan hukum Islam. (al-Nabhani: al-Shakhsiah al-Islamiyyah, jilid 2, cetakan kelima, tahun 2003, halaman 126).

- 4.4. Mengambil pemikiran Taqiuddin al-Nabhani dan beberapa karya asal Hizbut Tahrir yang dijadikan rujukan dalam penulisan di Sautun Nahdhah (suara kebangkitan). Antara kenyataan dalam Sautun Nahdhah:
- (a) Malaysia adalah negara kufur kerana tidak melaksanakan hukum Islam dan mempunyai perlembagaan kufur.
 - (b) Menyamakan Malaysia dengan Israel bahawa kedua-duanya sebagai kembar tidak seiras.
 - (c) Menganggap penguasa yang tidak berhukum dengan hukum Islam adalah tidak layak untuk menjadi penguasa dan wajib diperangi atau diberhentikan dari jawatannya.
 - (d) Berpandangan selagi khilafah tidak tertegak maka seluruh umat Islam berdosa.
 - (e) Menolak semua sistem yang ada kaitan dengan sistem bukan Islam seperti demokrasi dan pilihan raya dan menghukum berdosa orang yang terlibat dengan pilihan raya.
- 4.5. Fahaman-fahaman lain yang terkandung dalam ajaran Hizbut Tahrir iaitu:
- (a) Berpegang dengan pemikiran Tabanni iaitu mewajibkan penganut akur dengan sebarang fatwa yang ditentukan oleh parti tanpa diketahui siapa yang mengeluarkannya.
 - (b) Haram mengasaskan pertubuhan kebajikan.
 - (c) Mana-mana dakwah yang tidak berjaya selepas 23 tahun merupakan dakwah yang salah dan perlu menukar caranya.
- 4.6. Mengancam keharmonian dan keselamatan negara, antaranya:
- (a) Penolakan terhadap sistem pilihan raya, akan mendatangkan kesan negatif terhadap peratusan keluar mengundi orang Islam yang boleh mengancam kelangsungan penguasaan politik umat Islam.
 - (b) Kesan dari ketidakstabilan politik ini akan menimbulkan krisis perkauman dan memberi kesan kepada keharmonian dan keamanan negara.
 - (c) Kecenderungan menggulingkan pemerintah dengan alasan pemerintah tidak melaksanakan hukum Islam.

5. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, memutuskan bahawa:

- (a) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan berpegang dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir termasuklah:–
 - (i) Menjadi ahli kumpulan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (ii) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan keraian yang boleh dikaitkan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
 - (iii) Mengisytiharkan diri sebagai ahli kumpulan Hizbut Tahrir melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain; dan
 - (iv) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir.
- (b) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang dan diharamkan berpegang atau menjadi pengikut ajaran Hizbut Tahrir dan sesiapa yang melakukannya adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- (c) Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mengajar, menganjur, belajar, mengadakan dan membantu menjayakan apa-apa majlis yang boleh dikaitkan dengan fahaman Hizbut Tahrir adalah melakukan kesalahan.
- (d) Apa-apa jua bahan hebahan dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman Hizbut Tahrir dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook dan twitter atau media sosial lain adalah ditegah.
- (e) Mana-mana orang Islam adalah dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedar filem, rakaman audio atau visual, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa dokumen yang boleh mengaitkan ajaran dan fahaman Hizbut Tahrir.
- (f) Mana-mana orang Islam adalah dilarang dan ditegah daripada memberi sokongan atau melahirkan simpati atau apa jua kemudahan, memberi apa jua sumbangan dan bantuan kepada pergerakan golongan Hizbut Tahrir atau mereka yang berkaitan dengannya.
- (g) Mana-mana orang Islam adalah dilarang dan ditegah daripada mengamal, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di negeri Johor Darul Takzim.

Bertarikh 12 Zulkaedah 1440 / 15 Julai 2019
[JMJ.351/04/01/6/44; PPUUNJ.R.600-1/5/8(11)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

No. 4089.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

(Section 4)

NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut.

Bagi Tujuan Menambah Baik Sistem Agihan Di Kampung Maju Jaya Di Mukim Tebrau Daerah Johor Bahru Untuk Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru.

It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:

For The Purpose To Improve The Distribution System At Kampung Maju Jaya At Mukim Tebrau In The District Of Johor Bahru For Johore Water Regulatory Body (BAKAJ) Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. It is further notified that any person authorized by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at Johor Bahru District Land Office.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Johor Bahru. Mukim/Township—Tebrau.

Perihal kawasan/Description of the locality:

Lot

2988

Bertarikh 26 September 2019

Dated 26 September 2019

[PTJB(PBT) 02/08/02/13/20/2018;

PTG 02/08/02/1300/0003/2019/0257/2019;

PPUUNJ. 600-1/5/13 JLD. 4(7)]

DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD. KADIR
*Pengarah Tanah dan Galian Johor/
Director of Lands and Mines Johore*

No. 4090.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

(Section 4)

NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut.

Bagi Tujuan Projek Bas Rapid Transit Iskandar Malaysia (IMBRT)–Jajaran Iskandar Puteri-Skudai-Tebrau: Fasa 1-Tambahan (Desa Jaya-Tapak Kos Rendah) Di Mukim Tebrau Daerah Johor Bahru Untuk Kementerian Kewangan Malaysia Di Bawah Perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru.

It is hereby notified that lands in the locality described in the Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for the following purpose:

For The Purpose Of The Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit (IMBRT)–The Ranks Of The Iskandar Puteri-Skudai-Tebrau: Phase 1-Additional (Desa Jaya-Low Cost) At Mukim Tebrau In The District Of Johor Bahru For Ministry Of Finance Malaysia Under Paragraph 3(1)(a) Of The Land Acquisition Act 1960 [Act 486].

2. It is further notified that any person authorized by the State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it and undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work compensation therefore will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at Johor Bahru District Land Office.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Johor Bahru. Mukim/Township—Tebrau.

Perihal kawasan/Description of the locality:

Lot

104668

Tanah Kerajaan

Bertarikh 3 Oktober 2019

Dated 3 October 2019

[PTJB(PBT) 02/08/02/1300/05/2019;

PTG 02/08/02/1300/0004/2019/0216/2019;

PPUUNJ. 600-1/5/13 JLD. 3(97)]

DATO' HAJI MOHAMMED RIDHA BIN DATO' HAJI ABD. KADIR

*Pengarah Tanah dan Galian Johor/**Director of Lands and Mines Johore*

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2019BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, email.pnmbjb@printnasional.com.my